

KURSUS PENGUKUHAN PENULISAN KERTAS PENYELIDIKAN DAN ARTIKEL ILMIAH TAHUN 2026

Tanjung Malim, 14 Julai 2026 – Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) melalui Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) telah berjaya menganjurkan Kursus Pengukuhan Penulisan Kertas Penyelidikan dan Artikel Ilmiah Tahun 2026 pada 13 hingga 14 Julai 2026 bertempat di Bilik Latihan Utama, Blok C, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kursus yang disertai oleh 35 orang pegawai dan kakitangan INSTUN ini bertujuan memperkukuh kemahiran peserta dalam menghasilkan kertas penyelidikan dan artikel ilmiah yang berkualiti serta memenuhi standard penulisan akademik. Program ini memberi penekanan kepada penulisan sebenar artikel ilmiah melalui bimbingan secara langsung daripada penceramah.

Kursus ini dikendalikan oleh dua orang penceramah daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), iaitu Prof. Madya Dr. Hanifah binti Mahat dan Dr. Mohammad Azri bin Amatan. Kepakaran dan pengalaman yang dikongsikan oleh kedua-dua penceramah telah memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada peserta mengenai amalan terbaik dalam penulisan ilmiah serta penyelidikan berkualiti.

Sepanjang kursus berlangsung, peserta telah dibimbing untuk membangunkan penulisan artikel ilmiah secara sistematik, bermula daripada penambahbaikan tajuk artikel, objektif kajian, pembentukan sorotan literatur, penulisan metodologi dan juga penyediaan dapatan kajian mengikut format penerbitan akademik. Pendekatan secara praktikal ini membolehkan peserta kursus menambah baik penulisan masing-masing dengan bimbingan secara terus daripada penceramah.

Penganjuran kursus ini diharapkan dapat memperkukuh budaya penulisan dalam kalangan warga INSTUN serta meningkatkan penghasilan kertas penyelidikan dan artikel ilmiah yang berkualiti, berimpak tinggi dan mampu menyumbang kepada pembangunan ilmu serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan organisasi.

INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), para penceramah dan semua pegawai dan kakitangan INSTUN yang terlibat atas komitmen serta kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kursus ini.

